

## TERMA DAN SYARAT KAD DEBIT HONG LEONG

Dikemaskini pada 29 Ogos 2022

Sebagai pertimbangan Hong Leong Bank Berhad atau Hong Leong Islamic Bank Berhad ("**Bank**") bersetuju untuk menyediakan Perkhidmatan dan bersetuju untuk mengeluarkan Kad Debit (seperti yang ditentukan dalam Klausa 1) termasuk Gabungan (sebagaimana didefinisikan dalam Klausa 1.2) kepada Pemegang Kad atas permohonan Pemegang Kad, Pemegang Kad berjanji dan bersetuju bahawa penurunan tandatangan pada Kad Debit, penggunaan Kad Debit dan/atau pengekalan Akaun oleh Pemegang Kad akan membentuk perjanjian Pemegang Kad dengan terma dan syarat ("**Terma dan Syarat**") di bawah.

Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama sebagai keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am Akaun Bank, Terma dan Syarat untuk Perbankan Internet, Perbankan Mudah Alih Hong Leong Connect untuk Perkhidmatan Perbankan Digital Peribadi dan sebarang terma dan syarat akaun yang berkaitan, serta syarat dan peraturan lain yang mengikat pihak Bank. Definisi berikut berkuatkuasa kecuali dinyatakan sebaliknya:

### 1.0 Definisi dan Interpretasi

- 1.1 "**Akaun**" bermaksud akaun perbankan atau akaun-akaun dan merangkumi e-Akaun yang dibuka atau mungkin dibuka oleh Pemegang Akaun dengan pihak Bank pada bila-bila masa dan akan merujuk kepada akaun yang berkaitan sebagaimana diperlukan.
- 1.2 "**Gabungan**" bermaksud Kad Debit yang ditawarkan oleh institusi kewangan dalam perkongsian dengan institusi lain.
- 1.3 "**Fi Tahunan**" bermaksud fi yang dikenakan ke atas Pemegang Kad setiap tahun.
- 1.4 "**Pihak Berkuasa Yang Berkenaan**" bermaksud mana-mana kerajaan atau badan yang menguruskan hal-hal percukaian.
- 1.5 "**ATM**" bermaksud mesin juruwang automatik :
  - (a) yang dipasang oleh pihak Bank atau mana-mana ahli Rangkaian ATM dikongsi bersama; dan/atau
  - (b) Ditetapkan oleh pihak Bank atau Visa/Mastercard, untuk penggunaan Pemegang Kad.
- 1.6 "**Transaksi Kad ATM**" bermaksud penggunaan Kad Debit untuk pengeluaran tunai dan transaksi elektronik atau mana-mana kad yang mungkin diluluskan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- 1.7 "**Rangkaian Tunai Dibenarkan**" bermaksud cawangan, pejabat dan/atau lokasi yang ditetapkan oleh Rangkaian ATM yang Dikongsi Bersama, Visa/Mastercard untuk melaksanakan pengeluaran wang tunai.
- 1.8 "**Peniaga yang Dibenarkan**" bermaksud mana-mana peruncit atau perbadanan yang mana selaras dengan Perjanjian Peniaga bersetuju untuk menerima atau menyebabkan outletnya menerima Kad Debit untuk pembayaran atau menurut kepada perkiraan undang-undang dengan MyDebit/Visa/Mastercard bersetuju untuk menerima atau menyebabkan rangkaianannya untuk

menerima kemudahan yang ditawarkan bergabung atau berkongsi jenama Visa/Mastercard untuk pembayaran.

- 1.9 **“Transaksi Auto Debit”** bermaksud pembayaran ulangan melalui Kad Debit untuk caj utiliti, insurans atau caj takaful yang diluluskan oleh pihak Bank saja.
- 1.10 **“Bank”** bermaksud sama ada Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) atau Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) dan termasuk pewaris-namanya dan pemegang serah-hak dibenarkan.
- 1.11 **“Hari Perniagaan”** bermaksud hari di mana Bank dibuka untuk perniagaan di Malaysia Barat dan Malaysia Timur, sebagaimana keadaannya, dan di mana transaksi dalam bentuk yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini dilaksanakan.
- 1.12 **“Pemegang Kad”** bermaksud Pemegang Kad Bank yang mana Kad Debit diterbitkan kepadanya.
- 1.13 **“Fi Penggantian Kad”** bermaksud fi yang dikenakan ke atas Pemegang Kad jika kad hilang, dicuri atau rosak.
- 1.14 **“Transaksi Kad”** bermaksud transaksi yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad Debit untuk urus niaga tempatan dan luar negara; Transaksi dengan Kad secara bersemuka serta Transaksi Tanpa Kad dan Transaksi Tanpa Sentuhan secara tidak bersemuka (di mana berkenaan).
- 1.15 **“Transaksi dengan Kad”** bermaksud bayaran Transaksi Kad di mana Pemegang Kad mengemukakan Kad Debit secara fizikal untuk pemeriksaan peniaga pada masa bayaran untuk transaksi. Transaksi dengan Kad termasuk dan tidak terhad kepada pengeluaran tunai di ATM dan pembelian runcit.
- 1.16 **“Transaksi Tanpa Kad”** bermaksud bayaran Transaksi Kad di mana Pemegang Kad tidak atau tidak boleh mengemukakan Kad Debit secara fizikal untuk pemeriksaan peniaga pada masa bayaran untuk transaksi. Transaksi tanpa Kad termasuk dan tidak terhad kepada Transaksi Auto Debit, MOTO and urus niaga dalam talian.
- 1.17 **“Baki Semasa”** bermaksud baki atau tunai terkini yang ada di dalam akaun simpanan atau semasa Pemegang Kad.
- 1.18 **“Fi Pengeluaran Tunai”** bermaksud fi yang dikenakan ke atas Pemegang Kad untuk pengeluaran tunai berjaya dari ATM.
- 1.19 **“Transaksi Tanpa Sentuhan”** bermaksud kaedah pembayaran yang cepat dan mudah yang menggunakan teknologi komunikasi medan dekat (NFC) bagi membuat pembayaran dengan menyentuh/mengimbas Kad Debit pada pembaca selamat.
- 1.20 **“Kad Karakter”** merujuk kepada Kad Debit seperti Kad Debit Hello Kitty atau Transformers yang dikeluarkan oleh Bank.
- 1.21 **“Had Pengeluaran Tunai Harian”** bermaksud had maksimum harian dibenarkan yang ditetapkan oleh pihak Bank berhubung pengeluaran tunai melalui ATM.

- 1.22 **“Had Belian Dalam Talian Harian”** bermaksud had maksimum belian harian dalam talian dibenarkan yang ditetapkan oleh pihak Bank dalam Klausa 11.4 Terma dan Syarat ini.
- 1.23 **“Had Belian Runcit Harian”** bermaksud had maksimum belian runcit harian dibenarkan yang ditetapkan oleh pihak Bank dalam Klausa 11.3 Terma dan Syarat ini.
- 1.24 **“Had Pemindahan Harian”** bermaksud had maksimum harian yang ditetapkan oleh Bank berkenaan dengan pemindahan wang melalui ATM dan/atau Hong Leong Connect.
- 1.25 **“Kad Debit”** bermaksud Kad Debit MyDebit/Visa/Mastercard Hong Leong yang dikeluarkan oleh Bank.
- 1.26 **“DCC”** merujuk kepada Penukaran Mata Wang Dinamik, iaitu perkhidmatan pilihan yang ditawarkan oleh peniaga atau tersedia untuk pembelian luar negara tertentu seperti yang ditentukan dalam Klausa 19.1 di bawah (termasuk Transaksi Kad ATM), yang memberi pilihan pembayaran / pengeluaran tunai dalam Ringgit Malaysia (termasuk pembelian di luar negara dan pembelian dalam talian dalam mata wang asing) untuk transaksi luar negara, sebagaimana yang diuraikan dalam Klausa 19.
- 1.27 **“E-Akaun”** bermaksud akaun tanpa buku, boleh diakses oleh Pemegang Kad secara akses luaran melalui Hong Leong Connect atau mana-mana portal, laman web, rangkaian yang mungkin dimaklumkan oleh pihak Bank.
- 1.28 **“Fi”** termasuk fi perlu dibayar oleh Pemegang Kad semasa permohonan, tahunan atau sebarang jarak waktu yang mungkin ditentukan oleh pihak Bank untuk menggunakan Perkhidmatan yang akan didebit dari Akaun pada setiap tarikh ulangtahun Kad Debit dikeluarkan dan akan merangkumi semua fi lain, caj perkhidmatan, komisen dan lain-lain bayaran yang dicaj oleh pihak Bank di bawah Terma dan Syarat ini. Pihak Bank berhak untuk mengubah Fi dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar terlebih dahulu kepada Pemegang Kad.
- 1.29 **“Pemegang Kad Biasa”** bermaksud Pemegang Kad bukan Perbankan Prioriti.
- 1.30 **“Tarikh Baik Sehingga”** bermaksud tarikh luput yang dicetak pada Kad Debit.
- 1.31 **“Barangan dan Perkhidmatan yang mematuhi Syariah”** bermaksud barangan & perkhidmatan yang boleh diterima dan mematuhi Syariah.
- 1.32 **“Aplikasi HLB Connect”** bermaksud Perbankan mudah alih HLB Connect.
- 1.33 **“Hong Leong Connect”** bermaksud saluran Perbankan Internet yang tersedia untuk Pemegang Kad melakukan transaksi perbankan dalam talian dan mengakses sejarah transaksi melalui Aplikasi Perbankan Mudah Alih, [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) atau [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) (**“Laman Sesawang Bank”**).
- 1.34 **“Pemegang Akaun Bersama”** bermaksud mana-mana Akaun yang ada dua (2) atau lebih nama bersama atau mempunyai dua (2) atau lebih yang diberi kuasa penandatanganan.
- 1.35 **“Mastercard”** bermaksud Mastercard®, sebuah syarikat keahlian yang dianjurkan di bawah undang-undang Negeri Delaware, Amerika Syarikat.

- 1.36 **"MCCS"** bermaksud Chip Kad Spesifikasi Malaysia, iaitu spesifikasi Chip & PIN untuk Kad Debit domestik.
- 1.37 **"Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF"** bermaksud Akaun Pemegang Kad yang telah diupayakan dengan MCF (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 1 ini) telah diaktifkan, yang mungkin termasuk Akaun Pembelian Runcit.
- 1.38 **"MEPS"** bermaksud Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd, pembekal perkhidmatan antara bank di Malaysia.
- 1.39 **"Perjanjian Peniaga"** bermaksud perjanjian yang ditandatangani di antara **peniaga yang** dibenarkan dan pihak Bank.
- 1.40 **"Fi Penyata Bulanan"** bermaksud fi bulanan yang dikenakan ke atas Pemegang Kad untuk penyata bulanan Kad Debit yang dicetak.
- 1.41 **"MOTO"** ertinya Pesanan Mel Pesanan Telefon yang merupakan jenis Transaksi Kad-Tidak-Hadir di mana Perkhidmatan diselesaikan dan dibayar melalui telefon, mel, faks atau e-mel.
- 1.42 **"MyKad"** bermaksud kad yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad oleh Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia kepada Pemegang Kad untuk mengenalpasti and megesahkan identiti Pemegang Kad.
- 1.43 **"MyDebit"** bermaksud suatu skim pembayaran kad yang membenarkan Pemegang Kad untuk membuat bayaran bagi pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dengan mendebit secara langsung dari Akaun Pembelian Runcit Pemegang Kad.
- 1.44 **"Ciri Mata Wang Pelbagai"** atau **"MCF"** bermaksud mata wang asing yang disimpan dalam Akaun yang dibenarkan oleh Bank untuk diupayakan dengan MCF yang membolehkan Pemegang Kad, antara lain:
- (a) memegang mata wang asing yang dibenarkan oleh Bank dari semasa ke semasa;
  - (b) melakukan Transaksi Luar Negara dalam mata wang asing yang dipilih oleh Pemegang Kad;
  - (c) menukar satu (1) mata wang asing ke mata wang asing yang lain dalam Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF Pemegang Kad melalui cawangan Bank atau Hong Leong Connect.
- Bagi mengelakkan keraguan, MCF hanya tersedia untuk Akaun Diaktifkan MCF yang dipegang oleh Pemegang Akaun tunggal. Mata wang asing terkini yang diluluskan untuk MCF boleh didapati <https://www.hlb.com.my/ms/personal-banking/deposits/savings-account/pay-and-save-account.html>.
- 1.45 **"Paparan Notifikasi Aplikasi HLB Connect"** bermaksud ciri Aplikasi HLB Connect yang membolehkan Pemegang Kad menerima Kad notifikasi melalui Aplikasi HLB Connect.
- 1.46 **"Had Belian Dalam Talian"** bermaksud had transaksi yang terpakai ke atas Transaksi Kad yang dilaksanakan dalam talian melalui internet.
- 1.47 **"Pembelian Petrol"** bermaksud semua transaksi yang dibuat dengan Kad Debit untuk pembayaran petrol dan mana-mana pembayaran lain yang dilakukan di kiosk petrol.

- 1.48 **“PIN”** bermaksud Nombor Pengenalan Peribadi Pemegang Kad sama ada dikeluarkan oleh pihak Bank kepada Pemegang Kad atau dipilih oleh Pemegang Kad di mana-mana cawangan pihak Bank selaras dengan prosedur permohonan untuk Perkhidmatan ATM dan termasuk perubahan mengenainya yang dibuat oleh Pemegang Kad Debit pada hari yang sama sebagaimana mungkin, dari semasa ke semasa.
- 1.49 **“Tarikh Pengeposan”** bermaksud tarikh di mana sebarang Transaksi Kad didebit ke Akaun Pemegang Kad Debit.
- 1.50 **“Pemegang Kad Perbankan Prioriti”** bermaksud Pemegang Kad dengan status Perbankan Prioriti yang diperakui oleh pihak Bank.
- 1.51 **“Notis Privasi”** bermaksud dasar dan prinsip pihak Bank yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu dan entiti sedia ada dan entiti yang bakal berurusan dengan pihak Bank sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa dan yang boleh didapati di laman sesawang pihak Bank atau dalam apa-apa cara yang pihak Bank difikirkan sesuai dari semasa ke semasa.
- 1.52 **“Had Belian Runcit”** bermaksud had transaksi yang dikuatkuasakan bagi Transaksi Kad termasuk Transaksi Tanpa Sentuhan yang dibuat di kedai runcit, atau mana-mana kedai lain di mana Kad Debit boleh diterima untuk pembayaran.
- 1.53 **“Akaun Pembelian Runcit”** bermaksud akaun yang dikaitkan dengan Kad Debit untuk membuat Transaksi Pembelian Runcit.
- 1.54 **“Transaksi Pembelian Runcit”** bermaksud transaksi yang menggunakan Kad Debit di **Peniaga** yang Dibenarkan di mana Kad Debit boleh diterima untuk pembayaran di dalam dan luar negara termasuk Pembelian Dalam Talian, tambah nilai Touch 'n Go secara automatik, Pembelian Petrol, Auto Bill/transaksi urusan yang berulang dan tidak termasuk pengeluaran wang tunai, pemindahan dana, pembayaran yuran tahunan dan perkhidmatan lain/yuran pelbagai seperti yang ditakrifkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu.
- 1.55 **“Fi Pencarian Rekod Jualan”** bermaksud fi yang dikenakan ke atas Pemegang Kad apabila Pemegang Kad memohon untuk mendapatkan rekod jualan yang diisu oleh **Peniaga yang** Dibenarkan dari pihak Bank. Fi ini juga dikenakan semasa penyiasatan kes pertikaian apabila Pemegang Kad memohon untuk melihat rekod jualan yang berkaitan.
- 1.56 **“Kod Keselamatan”** bermaksud kod keselamatan yang diberikan oleh pihak Bank kepada Pemegang Kad untuk mengakses Perkhidmatan berkaitan yang merangkumi PIN (untuk Perkhidmatan ATM), IPIN (untuk Hong Leong Connect), TAC (untuk Hong Leong Connect) dan termasuk lain-lain nama pengguna, kata laluan, nombor pengenalan peribadi, sijil digital atau lain-lain kod keselamatan yang mungkin dikeluarkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa untuk mengakses semua atau mana-mana Perkhidmatan dan rujukan untuk terma “Kod Keselamatan” akan bermaksud kod atau kod-kod keselamatan berkaitan dengan Perkhidmatan tersebut sebagaimana diperlukan.
- 1.57 **“Perkhidmatan”** bermaksud perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank untuk memudahkan Transaksi Kad, Transaksi Tanpa Sentuhan, transaksi Cip dan PIN, Perbankan Telefon,

Perkhidmatan Pembayaran Bil, atau mana-mana perkhidmatan elektronik, digital, visual, video atau lain-lain seperti perkhidmatan baru atau tambahan yang ditawarkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa bagi membolehkan Pemegang Kad untuk melaksanakan transaksi perbankan dan lain-lain transaksi dan Perkhidmatan itu boleh ditambah, diubah atau ditarik balik oleh pihak Bank pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar terlebih dahulu.

- 1.58 **“Rangkaian ATM yang Dikongsi Bersama”** bermaksud bank dan institusi kewangan yang mengambil bahagian di dalam Rangkaian ATM dikongsi bersama yang dikendalikan oleh Payments Network Malaysia Sdn Bhd.
- 1.59 **“Arahan Tetap”** bermaksud pembayaran melalui Kad Debit atau Akaun Pemegang Kad untuk tujuan pembayaran balik pinjaman / pembiayaan hartanah dan pembayaran balik pinjaman / pembiayaan, pembayaran balik kad kredit atau tujuan pembayaran pembiayaan yang dimulakan melalui cawangan pihak Bank.
- 1.60 **“Penyata”** bermaksud penyata akaun mencerminkan urusan yang dilaksanakan dengan Kad Debit.
- 1.61 **“Cukai”** membawa maksud cukai yang dikenakan pada masa terkini atau masa yang akan datang, secara langsung atau tidak, di Malaysia atau di luar negara termasuk levi, impos, duti, upah, bayaran, potongan harga atau sebarang sekatan yang dikenakan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Yang Berkenaan, termasuk, tanpa had, mana-mana cukai penggunaan dan cukai-cukai yang lain dan apa-apa faedah, denda atau penalti yang berkenaan.
- 1.62 **“Tarikh Transaksi”** bermaksud tarikh di mana Transaksi Pembelian Runcit tersebut menggunakan Kad Debit di Peniaga yang Dibenarkan di mana Kad Debit adalah diterima untuk pembayaran.
- 1.63 **“Resit Transaksi”** bermaksud bayaran yang berkaitan slip, borang atau kertas yang dibekalkan kepada/oleh Bank kepada/oleh Peniaga yang Dibenarkan atau di dalam ATM untuk tujuan merekod, mengesah dan membuktikan pembelian atau transaksi lain yang dilakukan oleh Pemegang Kad melalui penggunaan Kad Debit yang akan dicajkan dan didebitkan daripada Akaun atau pengesahan yang diberikan kepada Pemegang Kad untuk transaksi kewangan yang dilakukan melalui Hong Leong Connect.
- 1.64 **“Visa”** bermaksud Visa Worldwide Pte Limited, sebuah syarikat yang dianjurkan di bawah Negara Singapura dengan pejabat utamanya di 71 Robinson Road #08-01 Singapore 068895, di mana pihak Bank adalah ahli institusi.
- 1.65 Perkataan yang bermaksud tunggal juga bermaksud majmuk dan sebaliknya serta serta perkataan yang bermaksud jantina maskulin hendaklah termasuk jantina feminin dan neuter dan sebaliknya.

## **2.0 Tanggungjawab Pemegang Kad**

- 2.1 Dengan menurunkan tandatangan pada Kad Debit, menggunakan Kad Debit dan/atau mengekalkan Akaun, Pemegang Kad bersetuju untuk memberi kuasa kepada Bank untuk mengendalikan Akaunnya dengan sewajarnya, termasuk pelantikan pihak ketiga apabila

diperlukan, untuk tujuan selaras dengan penyediaan Perkhidmatan dan bersetuju untuk terikat sepenuhnya dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini sebagaimana yang diubah oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar. Notis tentang perubahan atau pindaan tersebut akan dimaklumkan kepada Pemegang Kad.

2.2 Pemegang Kad harus mengambil semua langkah wajar untuk memastikan dan mencegah penggunaan tanpa kebenaran dan secara penipuan dan meyalahi undang-undang ke atas Perkhidmatan atau sebahagian daripadanya dan Kod Keselamatan Pemegang Kad, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:-

- (a) Kod Keselamatan hendaklah dirahsiakan dan apabila Pemegang Kad menerima Kod Keselamatan ia hendaklah ditukar sertamerta apabila telah diterima dan dibaca, dan hanya boleh digunakan oleh Pemegang Kad sahaja dan bukan orang lain. Jika Kod Keselamatan tidak dikeluarkan kepada Pemegang Kad, Pemegang Kad dinasihatkan agar mencipta Kod Keselamatan sendiri sebagai syarat untuk mengakses Perkhidmatan.
- (b) Bahawa tidak ada orang lain selain daripada Pemegang Kad mempunyai akses atau mampu mempunyai akses kepada Kod Keselamatan untuk membolehkan dia melakukan sebarang transaksi melalui mana-mana Perkhidmatan dan Kod Keselamatan tidak ditulis dalam apa jua bentuk atau cara termasuk tetapi tidak terhad kepada e-mel yang tidak diminta atau pada mana-mana laman sesawang selain daripada laman sesawang Bank yang boleh ditafsirkan oleh pihak ketiga atau disimpan bersama atau didedahkan kepada mana-mana orang (termasuk pekerja pihak Bank) di bawah apa-apa keadaan atau pada bila-bila masa.
- (c) Pemegang Kad tidak boleh mendedahkan Kod Keselamatan kepada mana-mana pihak di bawah apa jua sebab atau cara sama ada secara sukarela atau sebaliknya dan harus mengambil segala langkah wajar untuk mencegah Kod Keselamatan daripada diketahui oleh pihak lain. Pemegang Kad memahami dan bersetuju bahawa kegagalan untuk mematuhi peraturan ini boleh mendedahkan Pemegang Kad kepada akibat kecurian dan/atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Debit, yang mana pihak Bank tidak akan bertanggungjawab. Pemegang Kad mesti melaporkan sebarang pelanggaran Kod Keselamatan atau kehilangan Kod Keselamatan kepada pihak Bank dengan secepat yang mungkin, apabila Pemegang Kad menyedari tentang pelanggaran atau kerugian masing-masing. Pemegang Kad dengan ini bersetuju untuk membayar balik dan membayar kepada Bank atas permintaan bertulis Bank semua tuntutan dan liabiliti yang ditanggung oleh Bank yang timbul daripada penggunaan tanpa kebenaran tersebut.
- (d) Bahawa baki Akaun, Penyata Akaun dan Transaksi Kad diperiksa dan dipantau oleh Pemegang Kad secara kerap dan teliti dan diperiksa setiap kali sebelum memberikan apa-apa arahan kepada pihak Bank. Pemegang Kad hendaklah memaklumkan kepada pihak Bank dengan segera tentang apa-apa yang tidak dibenarkan, penipuan, menyalahi undang-undang urus niaga, kesilapan atau percanggahan dalam Akaun.
- (e) Pemegang Kad harus memastikan bahawa dana di dalam Akaun adalah mencukupi untuk melaksanakan sebarang Transaksi Kad yang diarahkan oleh Pemegang Kad.
- (f) Pemegang Kad akan mencipta PIN sendiri pada ATM Bank untuk tujuan melaksanakan transaksi ATM atau transaksi elektronik. Pemegang Kad dikehendaki untuk tidak mendedahkan PIN kepada mana-mana pihak ketiga dan akan bertanggungjawab kepada

pihak Bank untuk sebarang kemasukan debit di dalam Akaun dengan pihak Bank yang diakibatkan oleh Transaksi Kad tanpa kebenaran.

- (g) Untuk melakukan pembelian dengan menggunakan Kad Debit di mana-mana Peniaga yang Dibenarkan, Pemegang Kad boleh mengesahkan Transaksi Kad dengan (i) menandatangani Resit Transaksi yang disediakan oleh Peniaga yang Dibenarkan; (ii) memasukkan PIN di terminal Tempat Jualan; atau (iii) melaksanakan Transaksi Tanpa Sentuhan. Penerimaan Resit Transaksi atau apa-apa dokumen pulangan dengan tandatangan Pemegang Kad oleh Bank (jika ada) akan menjadi bukti yang mengikat dan muktamad bahawa Transaksi Kad dan amaun yang direkod padanya adalah dilakukan oleh Pemegang Kad selaras dengan Terma dan Syarat ini. Untuk pembelian atau penggunaan Kad Debit yang dibuat secara transaksi dalam talian, atau transaksi bukan berasaskan tandatangan termasuk tetapi tidak terhad kepada pembelian petrol, transaksi dalam talian, Pemegang Kad bersetuju bahawa resit pengesahan dan/atau penerimaan yang dikeluarkan oleh mana-mana Peniaga yang Dibenarkan atau sekutunya untuk transaksi tersebut akan dianggap sebagai bukti dokumen yang memuatkan sebagai penggunaan dan Pemegang Kad harus mematuhi Terma dan Syarat ini.
- (h) Tanpa mengambilkira peruntukan yang dinyatakan di dalam Klausa 2.2(g) di atas, tandatangan/PIN tidak akan menjadi syarat tunggal duluan kepada liabiliti Pemegang Kad berkenaan perkhidmatan yang dibekalkan, dan Pemegang Kad akan bertanggungjawab untuk Transaksi Kad jika pihak Bank berpendapat bahawa, berdasarkan bukti dokumen yang memuatkan, tandatangan yang tidak dibuat atau tiada ketiadaan tandatangan adalah disebabkan oleh keadaan dan/atau kaedah transaksi yang digunakan atau akibat kesilapan dari pihak Pemegang Kad dan/atau Peniaga yang Dibenarkan dan ahli bank MyDebit/Visa/Mastercard.
- (i) Pemegang Kad harus mematuhi semua keperluan, arahan, suruhan, dan garis panduan tentang penggunaan Kad Debit yang dikeluarkan oleh Bank dari semasa ke semasa berkenaan dengan semua Perkhidmatan kepada Pemegang Kad.
- (j) Pemegang Kad bersetuju untuk menandatangani bahagian belakang Kad Debit sebaik sahaja kad tersebut diterima dan sebelum ia digunakan, sebagai langkah mencegah penggunaan tanpa kebenaran Kad Debit tersebut.
- (k) Kad Debit adalah sah sehingga Tarikh Baik Sehingga. Surat pembaharuan kepada Pemegang Kad akan dikirimkan **tiga puluh (30)** hari sebelum Tarikh Baik Sehingga. Pihak Bank akan mengirim surat pembaharuan kepada Pemegang Kad untuk memaklumkan Pemegang Kad untuk mengunjungi cawangan Bank yang terdekat atau mana-mana cawangan Bank untuk memperolehi Kad Debit Penggantian. Pemegang Kad harus memastikan bahawa sebaik sahaja Kad Debit luput, ia dimusnahkan, dengan memotong dua secara melintang dan mengembalikannya kepada pihak Bank untuk penggantian Kad Debit.
- (l) Kad Debit tidak boleh digunakan selepas pembatalan, tamat tempoh, atau pengeluaran atau apabila Pemegang Kad tidak lagi menjadi Pemegang Kad Bank.
- (m) Pemegang Kad tidak boleh menggunakan Kad Debit untuk pengeluaran tunai, bayaran atau pemindahan dana melainkan terdapat dana yang mencukupi di dalam Akaun. Sebarang pengeluaran tunai, bayaran atau pindahan dana akan ditolak jika tidak terdapat dana yang mencukupi di dalam Akaun.



- (n) Sekiranya tiada terdapat dana mencukupi di dalam Akaun dan Pemegang Kad tidak mempunyai kemudahan overdraf atau mana-mana kemudahan kredit tersedia, semua Transaksi Kad di Peniaga yang Dibenarkan akan ditolak.
- (o) Pemegang Kad bersetuju untuk tidak menggunakan Kad Debit untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Jika Bank mendapati, mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Kad Debit telah digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, Bank boleh mengambil apa-apa tindakan dianggap sesuai untuk memenuhi apa-apa kewajipan yang berkaitan dengan pencegahan apa-apa aktiviti haram termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, pengubahan wang haram, aktiviti/pembiayaan pegganas, rasuah, penyalahgunaan wang dan/atau pengelakan cukai.
- (p) Sekiranya Pemegang Kad menjadikan Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i sebagai Akaun Pembelian Runcit, Pemegang Kad mengakui dan bersetuju bahawa Kad Debit tidak boleh digunakan untuk sebarang aktiviti atau tujuan tidak patuh Syariah seperti yang dinyatakan di Klausa 12 di bawah dan yang boleh menyebabkan transaksi tersebut ditolak.
- (q) Pemegang Kad dengan ini memberi representasi dan memberi waranti bahawa Pemegang Kad telah mendapat persetujuan semua orang yang dinamakan dalam permohonan Pemegang Kad untuk Akaun atau apa-apa dokumen lain yang dihantar kepada pihak Bank bagi menyokong permohonan itu dan/atau wakil yang diberi kuasa mereka, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengarah, pemegang saham, penandatanganan yang diberi kuasa Pemegang Kad atau mana-mana orang lain yang ditetapkan oleh pihak Bank ("**Subjek Data Relevan**"), untuk koleksi pihak Bank, pegangan dan penggunaan maklumat peribadi daripada subjek Data Relevan mengikut Notis Privasi pihak Bank sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.
- (r) Sekiranya Pemegang Kad menggantikan Kad Debit beliau dengan Kad Debit baru kerana hilang/dicuri/pembaharuan atau apa-apa sebab lain, Pemegang Kad bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada semua Peniaga yang Dibenarkan berkaitan yang beliau telah melanggan auto debit/transaksi debit langsung untuk mengemaskini nombor Kad Debit baru untuk mengelakkan transaksi daripada ditolak.
- (s) Pemegang Kad dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada pegangan, pengumpulan dan penggunaan semua data peribadi yang diberikan kepada pihak Bank oleh Pemegang Kad dan/atau diperoleh oleh Bank dari domain awam, dan juga data peribadi yang timbul akibat daripada penyediaan perkhidmatan kepada Pemegang Kad berhubung dengan Akaun-Akaun yang selaras dengan Notis Privasi Bank sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.
- (t) Pemegang Kad yang ingin dikecualikan daripada pekongsian data peribadi mereka di dalam Bank dan/atau kumpulan syarikat Hong Leong Financial Group Berhad bagi tujuan pemasaran dan promosi perlu mengunjungi mana-mana cawangan Bank atau menghubungi Pusat Panggilan Bank di **03-7626 8899** untuk mendaftar permintaan mengecualikan pekongsian tersebut.
- (u) Pemegang Kad hendaklah segera memberitahu pihak Bank jika ada apa-apa perubahan dalam butir-butir perhubungan dan/atau peribadi Pemegang Kad sama ada secara bertulis, mengunjungi cawangan-cawangan Bank atau menghubungi Pusat Hubungan Bank di

03-7626 8899.

- (v) Bank tidak menyatakan atau menjamin bahawa penggunaan Kad Debit tidak akan berlaku tanpa gangguan, gangguan atau kesilapan. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian, kerosakan, kesulitan, keaiban, kos atau perbelanjaan dalam apa jua bentuk yang dalam apa-apa cara mungkin dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad atau oleh mana-mana orang lain berkenaan dengan atau berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan disebabkan oleh sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Bank dan Pemegang Kad tidak akan mempunyai tuntutan terhadap Bank jika Transaksi Kad dan/atau Transaksi Tanpa Sentuhan tidak diterima atau dihormati oleh mana-mana Pedagang Dibenarkan atau atas apa jua sebab sekalipun.
- (w) Pemegang Kad mengakui dan bersetuju bahawa penggunaan Kad Debit atau prestasi Transaksi Kad dan/atau Transaksi Tanpa Sentuhan adalah atas risiko mutlak Pemegang Kad. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan dan/atau kerugian yang ditanggung berhubung dengan penggunaan Kad Debit atau prestasi Transaksi Kad dan/atau Transaksi Tanpa Sentuhan bagi barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh mana-mana Peniaga yang Dibenarkan atau kualiti atau pelaksanaan apa-apa barangan atau perkhidmatan selaras dengan atau berhubung dengan apa-apa transaksi yang dibuat pada Kad Debit. Pemegang Kad akan menyelesaikan secara langsung dengan Peniaga yang Dibenarkan bagi apa-apa aduan yang timbul daripada Transaksi Kad dan/atau Transaksi Tanpa Sentuhan.
- (x) Pemegang Kad harus memastikan bahawa jika beliau mempunyai lebih daripada satu (1) kad atau instrumen pembayaran dengan teknologi tanpa sentuh, iaitu instrumen pembayaran dengan keupayaan untuk melaksanakan Transaksi Tanpa Sentuhan, Pemegang Kad harus memastikan bahawa kad tersebut disimpan secara berasingan daripada Kad Debit untuk mengelakkan urus niaga perlanggaran yang akan menyebabkan kedua-dua kad didebitkan untuk jumlah urus niaga yang berkaitan.
- (y) Sekiranya Akaun terlebih keluar, Pemegang Kad, atas permintaan Bank, akan membuat jumlah yang terlebih keluar ditambah faedah yang akan dikenakan yang akan dikira berdasarkan kadar faedah overdraf semasa Akaun Semasa Bank (Ini tidak berlaku untuk Simpanan dan Semasa Akaun-i).
- (z) Pemegang Kad harus memastikan semua Transaksi Kad (termasuk Transaksi Luar Negara seperti yang ditakrifkan di bawah Klausa 19.1 di bawah) mematuhi Notis Pertukaran Asing (“**Notis FE**”). Pemegang Kad disarankan untuk membaca dan memahami Notis FE di laman sesawang Bank Negara Malaysia (“BNM”) di <http://www.bnm.gov.my> – tab ‘Notis Pertukaran Asing’ untuk memastikan semua aktiviti yang dilakukan menggunakan Kad Debit mematuhi Notis FE setiap masa.

### **3.0 Transaksi Tanpa Sentuhan**

3.1 Terdapat tiga (3) jenis Transaksi Tanpa Sentuhan iaitu:

- (a) MCCS Tanpa Sentuhan – kaedah pembayaran tanpa sentuhan melalui rangkaian MyDebit yang boleh dilakukan di mana-mana terminal Point-of-Sales yang memaparkan logo MCCS Tanpa Sentuhan;

- (b) Visa Tanpa Sentuhan – kaedah pembayaran tanpa sentuhan melalui rangkaian Visa yang boleh dilakukan di mana-mana terminal Point-of-Sales yang memaparkan logo Visa Tanpa Sentuhan; dan
  - (c) Mastercard Tanpa Sentuhan – kaedah pembayaran tanpa sentuhan melalui rangkaian Mastercard yang boleh dilakukan di mana-mana terminal Point-of-Sales yang memaparkan logo Mastercard Tanpa Sentuhan.
- 3.2 Transaksi Tanpa Sentuhan tanpa pengesahan PIN dihadkan kepada Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250) setiap transaksi (“**Had Transaksi Tanpa Sentuhan**”). Pemegang Kad akan dikehendaki mengesahkan PIN bagi Transaksi Tanpa Sentuhan melebihi Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250).
- 3.3 Transaksi Tanpa Sentuhan tanpa pengesahan PIN boleh dilakukan secara berasingan tetapi transaksi kumulatif dalam satu (1) hari hendaklah dihadkan kepada Ringgit Malaysia Lapan Ratus (RM800) sahaja atau had lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Pemegang Kad mengikut Klausula 3.4 (“**Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan**”). Apa-apa Transaksi Tanpa Sentuhan tanpa pengesahan PIN yang melebihi Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan akan dibatalkan dan Pemegang Kad akan diminta untuk melakukan pengesahan PIN untuk meneruskan bayaran. Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan akan ditetapkan semula setiap hari atau apabila Pemegang Kad melakukan transaksi disahkan PIN pada terminal Point-of-Sales.
- 3.4 Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan ditetapkan kepada Ringgit Malaysia Lapan Ratus (RM800). Pemegang Kad boleh menukarkan Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan mereka bila-bila masa dari RM0 – RM800 melalui Hong Leong Connect atau di mana-mana cawangan Bank di seluruh negara. Jika Pemegang Kad tidak ingin menggunakan fungsi Transaksi Tanpa Sentuhan tanpa pengesahan PIN, Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan hendaklah ditetapkan kepada **sifar, iaitu RM0**.
- 3.5 Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan Pemegang Kad adalah subset Had Belian Runcit Pemegang Kad. Oleh sebab itu, Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan tidak akan lebih daripada Had Belian Runcit yang ditetapkan oleh Pemegang Kad. Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan Pemegang Kad secara automatik akan ditetapkan kepada Had Belian Runcit sekiranya Had Belian Runcit kurang daripada Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan. Contohnya, jika Pemegang Kad telah menetapkan Had Belian Runcit kepada Ringgit Malaysia Seratus (RM100), Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuhan akan menjadi Ringgit Malaysia Seratus (RM100).
- #### 4.0 Penyata Pemegang Kad
- 4.1 Penyata akan dikemas kini ke dalam penyata/buku Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa/Akaun Semasa-i yang ditetapkan, dan Pemegang Kad boleh menyemak Penyatannya secara percuma melalui Hong Leong Connect yang meliputi, antara lain, Transaksi Kad dan Tarikh Pengeposan Transaksi Kad yang dilakukan oleh Pemegang Kad untuk tempoh yang dinyatakan.
- 4.2 Atas permintaan oleh Pemegang Kad, Penyata bulanan bercetak akan dihantar ke alamat surat-menyurat Pemegang Kad yang terakhir dicatatkan di dalam rekod pihak Bank. Caj perkhidmatan bulanan akan didebitkan dari dalam Akaun. Penyata bulanan yang dicetak menunjukkan semua

Transaksi Kad, Tarikh Pengeposan dan Tarikh Transaksi untuk bulan yang berkenaan. Pemegang Kad boleh meminta Penyata dicetak pada bila-bila masa dan pihak Bank akan mengenakan bayaran perkhidmatan sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) dan Ringgit Malaysia Dua (RM2) bagi setiap halaman untuk Penyata sehingga **satu (1)** tahun yang lalu atau Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) dan Ringgit Malaysia Lima (RM5) bagi setiap halaman untuk Penyata lebih daripada **satu (1)** tahun yang lalu untuk setiap permintaan. Tiada bayaran perkhidmatan dikenakan untuk penyata Akaun Simpanan.

- 4.3 Rekod dan catatan dalam Akaun yang ditetapkan dengan pihak Bank yang terdapat pada Penyata bulanan akan dianggap sebagai tepat dan mengikat ke atas Pemegang Kad kecuali makluman bertulis bertentangan dengannya diberi oleh Pemegang Kad kepada pihak Bank dalam masa **empat belas (14)** hari kalendar selepas menerima.
- 4.4 Jika atas sebarang sebab Pemegang Kad tidak memaklumkan kepada pihak Bank secara bertulis dalam masa **empat belas (14)** hari tentang sebarang percanggahan di dalam Penyata maka Pemegang Kad akan dianggap telah menerima rekod dan catatan di dalam Penyata sebagai betul, akhir dan muktamad. Penyata itu harus dianggap sebagai muktamad dan terikat kepada Pemegang Kad, wakil perundangan dan pengganti Pemegang Kad, dan sebarang tuntutan atau dakwa terhadap pihak Bank yang mendakwa Penyata itu adalah salah adalah tidak sah.
- 4.5 Apabila Bank menerima notis bertulis yang diberi oleh Pemegang Kad dalam tempoh yang dinyatakan, pihak Bank akan menyiasat Akaun untuk membuat pelarasan dan pembetulan yang sewajarnya, jika ada. Sebarang wang yang perlu dibayar kepada atau dibayar oleh Pemegang Kad akan dikredit atau didebit ke dalam Akaun berkaitan.
- 4.6 Hanya Transaksi Kad yang telah disahkan dengan sewajarnya oleh pihak Bank akan muncul di dalam Penyata Akaun Pemegang Kad.
- 4.7 Pemegang Kad juga boleh mendapatkan rekod **sepuluh (10)** transaksi terakhir Akaun Simpanan atau Semasa/Akaun Simpanan-i atau Semasa -i melalui ATM. Di dalam rekod transaksi ATM yang dikeluarkan oleh ATM, semua Transaksi Belian Runcit diwakili oleh perkataan **tiga (3)**-huruf "POS".

## **5.0 Pemegang Akaun Bersama**

- 5.1 Untuk Pemegang Akaun Bersama, salah seorang pemegang akaun boleh mengeluarkan arahan dan membenarkan pihak Bank untuk melaksanakan sebarang Transaksi Kad ke atas akaun bersama. Semua Transaksi Kad yang dilakukan akan mengikat ke atas semua pemegang kad, yang bertanggungjawab secara bersama dan bersendirinya. Mandat pemegang akaun bersama tidak akan ditarik-balik kecuali dan sehingga pemegang akaun bersama yang mana mandatnya akan ditarik-balik menyerahkan Kad Debitnya kepada pihak Bank.

## **6.0 Akaun Pegangan**

- 6.1 Pihak Bank mungkin akan mendebit atau mengenakan pegangan ke atas Akaun Pembelian Runcit ("**Akaun Pegangan**") untuk amaun Transaksi Kad sama ada pada hari ianya diserahkan kepada pihak Bank untuk bayaran atau pada hari pihak Bank menerima makluman mengenai Transaksi Kad, yang mana lebih awal.

- 6.2 Akaun Pegangan ke atas akaun adalah sah untuk semua transaksi runcit yang dilakukan dengan Peniaga yang Dibenarkan yang memerlukan pegangan sedemikian. Jika Peniaga yang Dibenarkan meminta kebenaran untuk sebarang Transaksi Kad, pihak Bank mungkin akan mengenakan pegangan ke atas Akaun Pegangan untuk amaun Transaksi Kad yang ditetapkan oleh Peniaga yang Dibenarkan and dipersetujui oleh Pemegang Kad. Baki tersedia di dalam Akaun Pembelian Runcit untuk digunakan oleh Pemegang Kad akan berkurangan sejajar dengan amaun yang dipegang.
- 6.3 Tertakluk kepada Had Belian Harian dan Baki Semasa dalam Akaun Pembelian Runcit serta terma dan syarat di sini, pihak Bank akan melakukan Transaksi Pembelian Runcit berikut untuk menahan jumlah pra-kuasa berikut ("**Jumlah Pra-Kuasa**") dalam Akaun Pegangan sehingga dua puluh satu (21) hari kalendar atau tempoh lain yang diberitahu oleh Bank:
- (i) Jumlah Pra-Kuasa sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200) untuk Pembelian Petrol oleh Pemegang Kad di dispenser bahan bakar automatik di stesen minyak; dan
  - (ii) Jumlah Pra-Kuasa adalah jumlah transaksi yang ditetapkan oleh Peniaga yang Dibenarkan dan dipersetujui oleh Pemegang Kad untuk Transaksi Pembelian Runcit selain dari yang dinyatakan dalam Klausula 6.3(i) di atas
- 6.4 Apabila pihak Bank menerima bukti jumlah transaksi sebenar daripada Peniaga yang Dibenarkan, Bank akan melepaskan Jumlah Pra-Kuasa dan Akaun Pembelian Runcit Pemegang Kad akan didebitkan dengan jumlah transaksi sebenar tersebut.
- 6.5 Pemegang Kad tidak boleh memberhentikan pembayaran ke atas Transaksi Kad. Untuk mengelakkan keraguan, dengan ini dinyatakan bahawa hak pihak Bank untuk mendebit Akaun Pembelian Runcit berhubung sebarang Transaksi Kad tidak terhad kepada amaun yang diletakkan dalam pegangan yang berkaitan dengan Transaksi Kad dan pihak Bank berhak untuk mendebit Akaun Pembelian Runcit untuk amaun penuh atas Transaksi Kad. Pihak Bank juga berhak untuk menaikkan amaun yang perlu dipegang berkaitan mana-mana Transaksi Kad yang berdenominasi dalam mata wang lain selain daripada Ringgit Malaysia jika pihak Bank berpendapat amaun asal yang dipegang tidak mencukupi untuk membayar Transaksi Kad sepenuhnya apabila ditukar kepada mata wang asing tersebut.
- 6.6 Pihak Bank berhak menurut budi bicaranya untuk meletakkan amaun tersebut dalam pegangan sehingga dua puluh satu (21) Hari Kalendar atau untuk tempoh yang dianggap wajar. Pihak Bank akan mendebit amaun untuk dipegang atas Akaun Pembelian Runcit apabila Transaksi Kad berkaitan diserahkan kepada pihak Bank untuk pembayaran. Pihak Bank akan melepaskan amaun dipegang jika Transaksi Kad berkaitan tidak diserahkan kepada pihak Bank untuk pembayaran dalam tempoh yang dianggap wajar oleh pihak Bank. Pemegang Kad juga bersetuju bahawa pihak bank berhak untuk meletakkan semula pegangan ke atas Akaun Pembelian Runcit dan mendebit Akaun Pembelian Runcit jika Transaksi Kad akhirnya berkemungkinan akan atau diserahkan untuk bayaran oleh Saudagar Dibenarkan selepas tamat tempoh sehingga dua puluh satu (21) Hari Kalendar tersebut. Pemegang Kad bersetuju bahawa semua resit yang diserahkan oleh Saudagar Dibenarkan untuk Transaksi Kad melalui Resit Transaksi termasuk pengesahan penerimaan dan perakuan akan dianggap bukti akhir dan muktamad penggunaan oleh Pemegang Kad.
- 6.7 Pemegang Kad tidak boleh menggunakan jumlah yang ditahan, walau apa pun terma dan syarat lain yang mengatur Akaun Pembelian Runcit.

- 6.8 Pihak Bank hanya akan mengkreditkan Akaun Pembelian Runcit dengan kembalian yang dibuat oleh Peniaga yang Dibenarkan atau penentuan yang berkaitan dengan mana-mana transaksi runcit/transaksi dalam talian selepas pihak Bank menerima baucer kredit yang dikeluarkan dengan betul. Kembalian ini termasuk tetapi tidak terhad kepada Pemegang Kad memulangkan semula barangan kepada peruncit selepas pembelian.

## **7.0 Pemilikan dan Kad Debit Hilang atau Dicuri**

- 7.1 Pemegang Kad harus mengambil segala langkah keselamatan untuk mengelakkan Kad Debit daripada kehilangan atau kecurian dan Pemegang Kad tidak boleh meninggalkan Kad Debit tanpa dijaga atau mendedahkan PIN dan/atau butiran Kad Debit kepada mana-mana pihak ketiga. Sekiranya berlaku kehilangan dan/atau kecurian Kad Debit dan/atau pendedahan PIN dan/atau butiran kepada pihak yang tidak dibenarkan, Pemegang Kad apabila menyedarinya hendaklah memaklumkan kepada pihak Bank dengan secepat yang munasabah boleh dilaksanakan selepas itu (jika perkara tersebut berlaku di Malaysia) atau Visa Travel Service Centre atau mana-mana ahli Mastercard atau sekutu terdekatnya (jika perkara tersebut berlaku di luar negara). Pemegang Kad memahami sepenuhnya bahawa kegagalan untuk menjaga dan mengambil langkah keselamatan yang munasabah dalam penyimpanan Kad Debit boleh mendedahkan Pemegang Kad kepada risiko kecurian dan/atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Debit.
- 7.2 Pihak Bank berhak bertindak atas arahan telefon yang diterima oleh pihak Bank daripada Pemegang Kad dan/atau wakilnya yang diberikuasa oleh Pemegang Kad (jika berkenaan dan mengikut mana-mana yang berkenaan) ("**Orang yang Diberi Kuasa**") dengan niat yang baik dan mengikut operasi yang biasa. Berhubung dengan ini, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk bertindak atas arahan telefon yang diberikan oleh Orang yang Diberi Kuasa tersebut tidak kira keadaan yang wujud pada masa arahan tersebut.
- 7.3 Jika berlaku kecurian/kehilangan Kad Debit dan Kad Debit tersebut telah digunakan oleh orang yang tidak dibenarkan untuk sebarang Transaksi Kad, Pemegang Kad bersetuju bahawa beliau akan bertanggungjawab kepada pihak Bank ke atas semua caj tanpa kebenaran yang ditanggung termasuk caj kewangan untuk sebarang barangan atau perkhidmatan yang diberikan oleh Peniaga yang dibenarkan, akibat penggunaan Kad Debit oleh pihak yang tidak dibenarkan tersebut sehingga tarikh dan masa penerimaan oleh pihak Bank makluman dari Pemegang Kad yang dinyatakan di dalam Klausula 7.1 di atas dan tertakluk kepada terma dan syarat Klausula 7.6 di dalam ini.
- 7.4 Pemegang Kad bersetuju untuk memberi kuasa kepada pihak Bank supaya tidak memperakui Kad Debit asal yang tersebut di atas sekiranya Kad Debit yang sama diserahkan kepada pihak Bank untuk pembayaran setelah penerimaan oleh Bank pemberitahuan Pemegang Kad yang dinyatakan di bawah Klausula 7.1 diatas.
- 7.5 Sebagai balasan kepada pihak Bank mengeluarkan kad gantian bagi kad asal kepada Pemegang Kad, maka Pemegang Kad bersetuju dan berjanji untuk melepaskan pihak Bank daripada liabiliti dan membayar balik kepada pihak Bank atas permintaan bertulis terhadap segala tuntutan, dakwaan, kerugian, kerosakan, kos, caj dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung dan boleh dikenakan kepada pihak Bank sekiranya Kad Debit asal digunakan atau diurusniagakan dengan apa-apa cara sekarang atau pada masa akan datang atau sebagai akibat daripada tindakan pihak Bank mengeluarkan Kad Debit gantian kepada Pemegang Kad atas permintaan Pemegang Kad

dan untuk ini pihak Bank boleh mendebitkan Akaun dan/atau tolak-selesai jumlah tersebut daripada mana-mana akaun berkedudukan kredit di bawah nama Pemegang Kad.

- 7.6 Selepas pihak Bank menerima pemakluman dalam cara yang dinyatakan di dalam Klausula 7.1 di atas daripada Pemegang Kad mengenai kehilangan/kecurian Kad Debit dari Pemegang Kad dan jika sebarang transaksi tidak dibenarkan telah dibuat ke atas Kad Debit, Pemegang Kad tidak akan bertanggungjawab ke atas urusan niaga tanpa izin dan Pemegang Kad tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian dialami daripada transaksi yang tidak diizinkan yang berlaku selepas Pemegang Kad telah beritahu Bank bahawa kad dia telah disalahgunakan, hilang atau dicuri atau sekuriti Kad Debit dan/atau PIN telah dilanggar kecuali pihak Bank berjaya membuktikan bahawa Pemegang Kad telah bertindak secara penipuan atau menyalahi undang-undang atau telah gagal memaklumkan kepada pihak Bank mengenai kehilangan Kad Debit secepat mungkin setelah menyedari Kad Debit tersebut telah hilang atau dicuri. Jika siasatan mendedahkan bahawa Pemegang Kad terlibat di dalam perlakuan sebarang caj tanpa kebenaran, Pemegang Kad akan bertanggungjawab ke atas semua caj tanpa kebenaran yang ditanggung, termasuk caj kewangan, sama ada sebelum atau selepas pihak Bank menerima pengesahan bertulis yang berkaitan.

Untuk mengelakkan sebarang kekeliruan, transaksi yang tidak dibenarkan seperti yang dinyatakan di atas merujuk kepada transaksi belian runcit dan bukan transaksi Kad ATM. Transaksi Kad ATM merangkumi kedua-dua pengeluaran tunai dan transaksi tunai antara bank yang dilakukan dengan Kad Debit. Dengan ini dipersetujui bahawa pihak Bank tidak dipertanggungjawabkan untuk memastikan baki semasa yang ditetapkan oleh pihak Bank tidak terlebih-guna.

- 7.7 Tanpa mengambil kira Klausula 7.6 di atas, Pemegang Kad akan bertanggungjawab ke atas transaksi PIN yang tidak diizinkan jika Pemegang Kad:
- (i) melakukan penipuan;
  - (ii) lewat untuk memberitahu pihak Bank secepat mungkin selepas mengetahui kehilangan atau penggunaan tanpa izin Kad Debit anda;
  - (iii) mendedahkan PIN anda kepada orang lain secara sukarela; atau
  - (iv) merekodkan PIN anda pada Kad Debit, atau pada apa-apa benda yang disimpan berdekatan Kad Debit anda.
- 7.8 Tanpa mengambil kira Klausula 7.6 di atas, Pemegang Kad akan bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa izin yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad tanpa sentuhan jika Pemegang Kad:
- (i) melakukan penipuan;
  - (ii) lewat untuk memberitahu pihak Bank secepat mungkin selepas mengetahui kehilangan atau penggunaan tanpa izin Kad Debit anda;
  - (iii) meninggalkan Kad Debit anda atau benda yang mengandungi Kad Debit anda tanpa pengawasan di tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain; atau
  - (iv) membenarkan orang lain untuk menggunakan Kad Debit anda secara sukarela.
- 7.9 Pihak Bank boleh, atas permintaan Pemegang Kad, tetapi tanpa dipertanggungjawabkan dalam undang-undang, mengganti Kad Debit yang hilang, dicuri atau rosak dengan mengenakan bayaran fi. Penggantian Kad Debit adalah tertakluk kepada terma dan syarat di dalam Terma dan Syarat ini sebagaimana Kad Debit asal.
- 7.10 Setelah Kad Debit tamat tempoh atau apabila diminta oleh Bank selepas pembatalan, pemansuhan atau penggantungan Kad Debit oleh pihak Bank atau apabila diketahui Kad Debit selepas

pemberitahuan kehilangannya, Pemegang Kad tidak mempunyai apa-apa hak lagi penggunaan Kad Debit dan akan segera dipotong setengah dan memulangkan Kad Debit tersebut kepada pihak Bank.

## **8.0 Penamatan oleh Pemegang Kad**

8.1 Pemegang Kad boleh pada bila-bila masa, menamatkan penggunaan Kad Debit dengan memberikan maklumat bertulis kepada pihak Bank dan mengembalikan Kad Debit yang dipotong dua kepada pihak Bank. Tiada kembalian Fi atau sebahagiannya akan dibuat kepada Pemegang Kad dan Pemegang Kad akan dan kekal bertanggungjawab ke atas sebarang transaksi yang dilakukan menggunakan Kad Debit sebelum pihak Bank menerima maklumat bertulis mengenai penamatan dan pengembalian Kad Debit dipotong dua kepada pihak Bank.

## **9.0 Fi, Komisyen dan Caj**

9.1 Pihak Bank berhak untuk mengenakan Fi untuk Perkhidmatan termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran Kad Debit, Penyata bulanan dicetak, Yuran Penggantian Kad, Fi Pengeluaran Tunai melalui rangkaian MEPS, terminal Visa PLUS/Mastercard Cirrus dan Bank Antarabangsa, Dapatan Semula Draf Jualan dan Fi Bayaran Tahunan. Selain daripada Bayaran Fi tersebut, transaksi yang dijalankan melalui Perkhidmatan akan dikenakan caj dan komisen biasa. Bagi tujuan pengutipan Yuran, komisen dan/atau caj, Pemegang Kad bersetuju untuk memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mendebitkan Akaun dengan Yuran, komisyen dan/atau caj yang berkenaan. Sekiranya Pemegang Kad tidak memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mendebitkan Akaun dengan Yuran, komisen dan/atau caj, Pemegang Kad bersetuju bahawa kegagalan pembayaran Yuran, komisen dan/atau caj bagi Perkhidmatan boleh menjejaskan Perkhidmatan yang disediakan sehingga semua yuran, komisen dan/atau caj yang telah dibayar dengan sewajarnya oleh Pemegang Kad.

9.2 Pemegang Kad bersetuju untuk membayar semua fi, komisen dan/atau caj yang dikenakan dalam klausa ini dan membenarkan pihak Bank untuk mendebit Akaun Pemegang Kad, tanpa mengambilkira pendebitan tersebut mungkin menyebabkan Akaun terlebihguna. Bayaran, komisen dan/atau caj berikut dikenakan pada kadar yang dinyatakan atau kadar lain yang ditetapkan, yang boleh dipinda oleh pihak Bank untuk membuat pemindahan dari semasa ke semasa dengan memberi **dua puluh satu (21)** hari kalendar notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad untuk transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad Debit. Untuk senarai fi dan caj yang lengkap, sila layari laman web kami [www.hlb.com.my/dc2](http://www.hlb.com.my/dc2) atau imbas di sini:



9.3 Fi Tahunan tidak akan dikenakan semasa pengeluaran Kad Debit dan hanya akan dikenakan pada tarikh ulang tahun. Fi Tahunan boleh diubah oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Fi Tahunan tidak akan dikembalikan.

9.4 Penggantian Kad Debit adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat di dalam ini seolah-olah ia adalah Kad Debit asal.



## **10.0 Cukai Kerajaan, Fi dan Caj Berkanun dan/atau Kawal Selia**

- 10.1 Sebarang yuran perkhidmatan dan sebarang pembayaran yang kena dibuat oleh Pemegang Kad kepada pihak Bank dibawah Terma dan Syarat ini, termasuk sebarang jumlah yang mewakili pembayaran ganti untuk dibayar oleh Pemegang Kad kepada pihak Bank, adalah tidak termasuk Cukai dan perlu dijelaskan tanpa sebarang pengecualian, syarat dan tanpa sebarang potongan bagi sebarang jumlah tuntutan balas atau sebarang potongan atau sekatan.
- 10.2 Pada sebarang masa atau keadaan dimana Pemegang Kad dituntut oleh undang-undang untuk membuat sebarang potongan atau menahan dari yuran perkhidmatan dan/atau semua wang lain yang kena dibayar kepada di bawah Terma dan Syarat ini berkaitan dengan Cukai atau sebaliknya, jumlah yang kena dibayar oleh Pemegang Kad dalam hal di mana potongan atau penahanan cukai diperlukan akan ditambah supaya yuran perkhidmatan dan/atau jumlah bersih wang yang diterima oleh pihak Bank kekal dengan apa yang pihak Bank sepatutnya menerima jika sebarang potong atau pengecualian tidak dikenakan.
- 10.3 Sebagai penambahan atas yuran perkhidmatan dan sebarang bayaran yang perlu dibayar, Pemegang Kad kena bayar kepada pihak Bank semua bayaran Cukai pada kadar terkini dan/atau jumlah yang ditentukan oleh pihak Bank untuk merangkumi sebarang pembayaran Cukai/liabiliti Cukai/kewajipan-kewajipan Cukai yang berhubung kait, tanpa sebarang penolakan, sekatan atau syarat-syarat dan tanpa apa-apa potongan untuk atau sebarang jumlah tuntutan balas atau apa-apa potongan atau pengecualian, selain sebarang Cukai-Cukai yang mana mungkin diperlukan di bawah sebarang undang-undang kena dibayar oleh anda secara terus kepada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan, dimana anda akan membayar secara terus kepada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan.
- 10.4 Jika pada bila-bila masa satu pelarasan dibuat atau dikehendaki untuk dibuat antara pihak Bank dan Pihak Berkuasa Yang Berkenaan bagi sebarang jumlah Cukai berkaitan sebarang bekalan yang dilakukan atau dinilai sebagai telah berlaku, yang berkaitan dengan Terma dan Syarat ini daripada pihak Bank atau segala yang berkaitan dengannya, satu pelarasan, tertakluk pada budi bicara, boleh dibuat diantara pihak Bank and Pemegang Kad dan pada keadaan sedemikian, sebarang pembayaran berkaitan pelarasan tersebut, haruslah dijelaskan sepenuhnya.
- 10.5 Semua Cukai yang mesti dibayar oleh Pelanggan kepada pihak Bank seperti yang diperuntukkan di ini adalah perlu dibayar di masa-masa sedemikian dan di sedemikian cara seperti yang akan diminta oleh pihak Bank.
- 10.6 Pemegang Kad dengan ini bersetuju untuk memenuhi segala permintaan oleh pihak Bank bagi membantu pihak Bank dalam mematuhi dengan kewajipan-kewajipannya di bawah undang-undang percukaian yang berkaitan. Jika terdapat, Cukai baru yang telah berkuatkuasa dan Cukai tersebut adalah diwajibkan untuk dikenakan terhadap sebarang urus niaga yang termaktub di dalam Terma dan Syarat, Pemegang Kad bersetuju untuk memberi kerjasama dengan sepenuhnya kepada pihak Bank untuk memudahkan pihak Bank untuk mematuhi tanggungjawab Pihak Bank di bawah undang-undang tersebut.

- 10.7 Bagi mengelakkan sebarang keraguan, kesemua pihak terbabit dengan ini bersetuju bahawa mana-mana jumlah yang perlu dibayar atau jumlah yang digunakan untuk menentukan jumlah yang perlu dibayar berdasarkan Terma dan Syarat ini adalah muktamad tanpa mengambil kira untuk Cukai dan tidak termasuk jumlah-jumlah yang perlu ditambah di bawah Klausa ini berkenaan dengan Cukai.

## **11.0 Had Ke Atas Transaksi Kad**

- 11.1 Kecuali diarahkan sebaliknya oleh Pemegang Kad atau Pemegang Kad tidak memilih suatu had untuk pelaksanaan transaksi melalui Perkhidmatan, pihak Bank berhak untuk menentukan dan menetapkan sebarang had sama ada dari segi amaun, kekerapan atau kegunaan mana-mana Perkhidmatan dan/atau Kod Keselamatan. Pemegang Kad boleh mengubah had ke atas Transaksi Kad yang dilakukan dengan memberikan maklumat awal secara bertulis kepada pihak Bank. Pihak Bank tidak bertanggungjawab untuk memastikan Pemegang Kad tidak melebihi had yang ditetapkan mahupun mematuhi permintaan Pemegang Kad supaya pihak Bank mengubah had tersebut.
- 11.2 Had Pengeluaran Tunai Harian untuk Pemegang Kad Biasa dan Perbankan Prioriti ditetapkan pada Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000), dengan had maksimum dibenarkan sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) untuk Pemegang Kad Biasa dan Pemegang Kad Perbankan Prioriti, atau suatu amaun lain yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dengan memberi **dua puluh satu (21)** hari kalendar terlebih dahulu maklumat awal kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad boleh melakukan penetapan Had Pengeluaran Tunai Harian di mana-mana cawangan Bank atau ATM atau melalui Hong Leong Connect.
- 11.3 Had Belian Runcit Harian untuk Pemegang Kad Biasa dan Perbankan Prioriti ditetapkan pada Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000), dengan had maksimum dibenarkan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000) untuk Pemegang Kad Biasa dan Pemegang Kad Perbankan Prioriti, atau suatu amaun lain yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dengan memberikan notis awal **dua puluh satu (21)** hari kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad boleh melakukan penetapan Had Belian Runcit Harian di mana-mana cawangan Bank atau melalui Hong Leong Connect. Selain daripada itu, Pemegang Kad boleh memohon Had Belian Runcit Harian yang lebih tinggi ("**Had Belian Runcit Harian Sementara**") melalui Hong Leong Connect dan Had Belian Runcit Harian Sementara tersebut akan berkuat kuasa sepanjang tempoh masa tertentu yang dipilih oleh Pemegang Kad ("**Julat Tarikh**"). Had Belian Runcit Harian Sementara memberikan Pemegang Kad had maksimum yang dibenarkan iaitu Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Sembilan Ribu Sembilan Ratus Sembilan Puluh Sembilan (RM99,999) semasa Julat Tarikh. Had Belian Runcit Harian Sementara akan ditamatkan apabila Julat Tarikh berakhir dan selepas itu, Had Belian Runcit akan kembali kepada Had Belian Runcit Harian.
- 11.4 Had Belian Dalam Talian Harian untuk Pemegang Kad Biasa dan Pemegang Kad Perbankan Prioriti ditetapkan pada Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000), dengan had maksimum dibenarkan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000) untuk Pemegang Kad Biasa dan Pemegang Kad Perbankan Prioriti, atau suatu amaun lain yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dengan memberikan notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad boleh melakukan Had Belian Dalam Talian Harian di mana-mana cawangan Bank atau melalui Hong Leong Connect. Selain daripada itu, berkuat kuasa 24

September 2022, Pemegang Kad boleh memohon Had Belian Dalam Talian Harian yang lebih tinggi ("**Had Belian Dalam Talian Harian Sementara**") melalui Hong Leong Connect dan Had Belian Dalam Talian Sehari-hari Sementara tersebut akan berkuat kuasa sepanjang tempoh masa tertentu yang dipilih oleh Pemegang Kad ("**Julat Tarikh**"). Had Belian Dalam Talian Harian Sementara memberikan Pemegang Kad had maksimum yang dibenarkan iaitu Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000) semasa Julat Tarikh. Had Belian Dalam Talian Harian Sementara akan ditamatkan apabila Julat Tarikh berakhir dan selepas itu, Had Belian Runcit akan Kembali kepada Had Belian Dalam Talian Harian.

- 11.5 Had Pemindahan Harian melalui ATM untuk Pemegang Kad Biasa dan Perbankan Prioriti ditetapkan pada Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000), dengan had maksimum dibenarkan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) untuk Pemegang Kad Biasa dan Perbankan Prioriti, atau suatu amaun lain yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dengan memberikan maklumat awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar terlebih dahulu kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad boleh melakukan penetapan Had Pemindahan Harian di mana-mana cawangan Bank atau ATM daripada Bank.
- 11.6 Bagi mengelakkan keraguan, Had Pemindahan Harian melalui ATM adalah berasingan daripada Had Pemindahan Harian melalui Hong Leong Connect.
- 11.7 Pemegang Kad yang ingin menukar had amaran transaksi melalui Paparan Notifikasi Aplikasi HLB Connect atau khidmat pesanan ringkas ("**SMS**") dikehendaki membuat permintaan bertulis untuk menukar had yang telah ditetapkan sebelum ini atau menarik diri daripada perkhidmatan amaran transaksi melalui Paparan Notifikasi Aplikasi HLB Connect atau SMS tersebut. Pemegang Kad boleh mendapatkan Borang Penyelenggaraan Perkhidmatan Amaran Transaksi Kad Debit/Kad Debit-i ("**Borang**") di mana-mana cawangan Bank atau di Laman Sesawang Bank di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my). Pemegang Kad perlu melengkapkan Borang tersebut dan mematuhi arahan yang terdapat di dalamnya untuk menukar had amaran transaksi melalui Paparan Notifikasi Aplikasi HLB Connect atau SMS atau menarik diri daripada perkhidmatan amaran transaksi melalui Paparan Notifikasi Aplikasi HLB Connect atau SMS tersebut.

## 12.0 Pematuhan Syariah

- 12.1 Apabila Akaun Pembelian Runcit yang dipautkan dengan Kad Debit adalah Akaun Simpanan atau Akaun Semasa-i, Kad Debit hanya boleh digunakan untuk pembelian barang dan perkhidmatan yang mematuhi Syariah. Kad Debit tidak boleh digunakan di mana-mana peniaga runcit yang menyediakan barang dan perkhidmatan yang tidak mematuhi Syariah dan/atau untuk apa-apa transaksi yang tidak mematuhi Syariah yang dikategorikan mengikut Kategori peniaga seperti yang berikut:
- (i) Bar, Ruang Koktel, Disko, Kelab Malam dan Kedai Minuman Keras
  - (ii) Pakej Bir, Wain dan Minuman Keras
  - (iii) Kedai dan gerai cerut
  - (iv) Transaksi Perjudian
  - (v) Petaruhan-Perlumbaan Kuda, Perlumbaan Anjing, Petaruhan Bukan Sukan Dalam Talian Antara Negeri
  - (vi) Perkhidmatan Janji Temu dan Teman Social
- Nota: Senarai peniaga runcit dan aktiviti tidak mematuhi Syariah di atas akan dikemas kini dari semasa ke semasa.

### **13.0 Kewajipan Pemegang Kad**

13.1 Kecuali jika kerugian tersebut disebabkan oleh salah laku sengaja atau kecuaiian melampau oleh pihak Bank, Pemegang Kad dengan ini bersetuju dan wajib untuk membayar balik kepada pihak Bank atas permintaan bertulis pihak Bank semua tuntutan, kerugian dan perbelanjaan (termasuk kos perundangan sebagaimana peguam cara dengan pelanggan sendiri) dan semua liabiliti dalam apa jua bentuk atau jenis yang ditanggung atau dialami oleh pihak Bank berhubung dengan atau apa jua cara yang timbul daripada peruntukan Perkhidmatan atau penerimaan sebarang arahan yang diberikan oleh Pemegang Kad atau pelanggaran mana-mana Terma dan Syarat ini oleh Pemegang Kad. Liabiliti Pemegang Kad adalah merupakan liabiliti berterusan dan akan kekal berkuat kuasa sepenuhnya sehingga liabiliti pihak Bank, jika ada, dilepaskan sepenuhnya.

### **14.0 Penggantungan, Pembatalan dan Penamatan**

14.1 Bank berhak menarik atau menggantung mengikut budi bicaranya Kad Debit dan/atau mana-mana Perkhidmatan dan dalam keadaan seperti itu jika Bank dianggap sesuai untuk menghentikan penggunaan Kad Debit oleh Pemegang Kad dengan pemberitahuan bertulis kepada Pemegang Kad. Selanjutnya disepakati bahawa Bank tidak berkewajipan untuk menyatakan alasan penamatan penggunaan Kad Debit.

### **15.0 Budi Bicara Pihak Bank**

15.1 Pihak Bank berhak pada bila-bila masa menurut budi bicaranya tidak akan meluluskan sebarang Transaksi Kad walaupun Baki Semasa di dalam Akaun Pemegang Kad membolehkan mana-mana Transaksi Kad (iaitu terdapat dana yang mencukupi di dalam Akaun).

15.2 Pihak Bank berhak untuk:

(a) Menggantungan hak Pemegang Kad untuk menggunakan Kad Debit sepenuhnya atau berkenaan keistimewaan tertentu.

(b) Menolak untuk menerbit-semula, memperbaharui atau mengganti Kad Debit, tanpa dalam apa jua perkara, menjejaskan tanggungjawab Pemegang Kad di bawah Terma dan Syarat ini yang akan terus berkuatkuasa dan tiada pengembalian akan dibuat untuk sebarang fi tahunan atau fi lain yang telah dibayar jika hak untuk menggunakan Kad Debit digantung oleh pihak Bank atau jika Kad Debit tidak diperbaharui atau diganti.

15.3 Tanpa prejudis kepada peruntukan lain di dalam Terma dan Syarat ini, pihak Bank berhak pada bila-bila masa dengan memberi **dua puluh satu (21)** hari kalendar terlebih dahulu makluman awal, untuk memperkenalkan, menukar, mengubah, mengehad atau menarik balik semua atau mana-mana manfaat, perkhidmatan, kemudahan atau kelebihan yang berkaitan dengan atau berhubung dengan penggunaan Kad Debit dan/atau Terma dan Syarat ini.

### **16.0 Akaun Gantung**

16.1 Untuk tujuan membolehkan pihak Bank mengekalkan keseluruhan liabiliti Pemegang Kad, apabila writ saman telah dikeluarkan atau untuk membuktikan kebankrapan atau ketakmampuan bayar

Pemegang Kad atau untuk tujuan lain yang dianggap wajar oleh pihak Bank, pihak Bank boleh pada bila-bila masa dan tempat, menyimpan untuk suatu tempoh yang wajar, sebarang wang yang diterima, diperoleh semula atau direalisasi selaras dengan terma dan syarat ini atau di bawah mana-mana cagaran atau jaminan untuk dikreditkan dalam akaun berasingan yang tidak menawarkan keuntungan di bawah nama Pemegang Kad sebagaimana dianggap wajar oleh pihak Bank. Pihak Bank tidak mempunyai kewajiban segera untuk memanfaatkan wang tersebut atau sebahagian daripadanya untuk atau ke arah melunaskan jumlah perlu bayar dan terhutang kepada pihak Bank.

## **17.0 Tolak Selesai**

- 17.1 Pemegang Kad bersetuju bahawa pihak Bank boleh, pada bila-bila masa dan dengan memberikan makluman awal, menyatu dan menggabung semua atau mana-mana Akaun Pemegang Kad dengan pihak Bank dalam apa jua bentuk dan di mana-mana lokasi, sama ada di dalam Ringgit Malaysia atau mata wang lain, atau menolak selesai atau memindah sebarang jumlah yang sedia untuk dikredit ke dalam mana-mana Akaun tersebut termasuk akaun bersama di mana akaun bersama tersebut adalah di atas nama Pemegang Kad untuk atau ke arah melunaskan semua jumlah terhutang kepada pihak Bank di bawah mana-mana akaun Pemegang Kad dengan pihak Bank, dalam apa jua bentuk dan di mana-mana lokasi, sama ada di dalam Ringgit Malaysia atau mata wang lain dan pihak Bank boleh berbuat demikian tanpa mengambil kira baki di dalam akaun tersebut dan jumlah terhutang mungkin bukan di dalam mata wang yang sama, dan Pemegang Kad dengan ini membenarkan pihak Bank menguatkuasakan sebarang penyatuan, gabungan, tolak selesai atau pemindahan dengan pertukaran mata wang yang sewajarnya pada kadar tukaran semasa pihak Bank yang akan ditentukan oleh pihak Bank mengikut budi bicaranya.

## **18.0 Caj-Balik**

- 18.1 Pihak Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang tindakan atau pengabaian oleh mana-mana peniaga runcit atau dalam talian walau apapun puncanya, termasuk tetapi tidak terhad kepada keengganan menerima Kad Debit atau sebarang Penyata atau komunikasi lain yang dibuat berkaitan dengannya, atau sebarang kecacatan atau kekurangan pada produk atau perkhidmatan. Sekiranya terdapat sebarang kecacatan atau kekurangan pada produk atau perkhidmatan, Pemegang Kad hendaklah berhubung secara langsung dengan **Peniaga yang** Dibenarkan mengenai sebarang tuntutan atau pertikaian dan tidak akan mempertikaikan sebarang bayaran yang dibuat oleh pihak Bank dari Akaun Pemegang Kad ke atas tuntutan atau pertikaian tersebut.
- 18.2 Dalam keadaan tertentu, peraturan skim kad membenarkan Pemegang Kad untuk mencaj-balik Transaksi Kad kepada Peniaga Yang Bibenarkan bagi transaksi yang telah dibuat (jika hak caj-balik disediakan) tertakluk kepada aduan atau pertikaian telah dibuat oleh Pemegang Kad kepada pihak Bank secara lisan atau bertulis dalam masa **dua puluh satu (21)** hari kalendar daripada Tarikh Pengeposan Transaksi Kad tersebut seperti dalam Penyata dan Pemegang Kad telah menyediakan maklumat yang diperlukan oleh pihak Bank (iaitu: nama Pemegang Kad, Akaun yang terlibat, tarikh dan jumlah Kad transaksi yang dipertikaikan dan sebab Pemegang Kad percaya bahawa ia adalah Transaksi Kad yang dipertikaikan) untuk menyokong caj balik dalam tempoh masa yang ditetapkan.

- 18.3 Sekiranya pihak Bank melanjutkan tempoh masa untuk menyelesaikan siasatan selepas **empat belas (14)** hari kalendar dari tarikh laporan terhadap Transaksi Kad yang dipertikaikan, sama ada secara lisan atau bertulis, oleh Pemegang Kad kepada pihak Bank, pihak Bank boleh:
- (a) sekurang-kurangnya, sementara mengkreditkan jumlah penuh transaksi yang dipertikaikan atau Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000), yang mana lebih rendah (termasuk apa-apa keuntungan yang berkenaan), ke dalam Akaun Pembelian Runcit tidak lewat daripada empat belas (14) hari kalendar dari tarikh Pemegang Kad mengemukakan maklumat yang dinyatakan dalam Klausula 18.2 kepada pihak Bank;
  - (b) mengkredit baki Transaksi Kad yang dipertikaikan (termasuk apa-apa keuntungan yang berkenaan) tidak lewat daripada **tiga puluh (30)** hari kalendar daripada tarikh perkreditan pertama dana sementara ke dalam Akaun Pembelian Runcit oleh pihak Bank mengikut Klausula 18.3 (a) di mana dana tersebut adalah kurang daripada amaun Transaksi Kad yang dipertikaikan; dan
  - (c) membenarkan Pemegang Kad menggunakan sepenuhnya dana sementara yang dikreditkan.
- 18.4 Sekiranya Pemegang Kad dikehendaki membayar jumlah transaksi atau Peniaga yang Dibenarkan telah mengembalikan jumlah transaksi tersebut secara langsung kepada Pemegang Kad, pihak Bank berhak mendebitkan amaun berkenaan daripada Akaun Pembelian Runcit.
- 18.5 Tanpa mengambilkira dan tanpa prejudis kepada sebutan umum Klausula di dalam Terma dan Syarat ini, Pemegang Kad bersetuju bahawa:
- (a) penggunaan Kad Debit adalah atas risiko Pemegang Kad sendiri dan Pemegang Kad harus menanggung semua risiko yang berkaitan atau yang timbul daripada penggunaan Kad Debit; dan
  - (b) Pemegang Kad tidak boleh membuat atau cuba untuk membuat apa-apa dakwaan palsu, penipuan atau menyalahi undang-undang berkenaan dengan Transaksi Kad yang dipertikaikan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pihak Bank berhak pada bila-bila masa untuk memulakan dan memulakan dan mengambil tindakan undang-undang dan/atau apa-apa prosiding lain sebagaimana yang pihak Bank fikirkan perlu terhadap Pemegang Kad setelah pihak Bank menemui atau menyedari tentang apa-apa tuntutan yang palsu atau penipuan atau menyalahi undang-undang berkaitan dengan atau yang timbul daripada Transaksi Kad yang dipertikaikan.
- 18.6 Pihak Bank mempunyai hak untuk mengambil tindakan perundangan dan/atau apa-apa prosiding lain yang dianggap perlu oleh Bank termasuk melaporkan apa-apa laporan yang sesuai atau perlu dengan pihak berkuasa yang berkaitan, terhadap Pemegang Kad yang melengahkan, menghalang dan/atau menyembunyikan maklumat penting daripada pihak Bank, membuat atau cuba untuk membuat tuntutan palsu berkenaan dengan apa-apa transaksi, menyiarkan tuntutan palsu di media tradisional atau sosial, dan/atau membuat laporan polis palsu mengenai apa-apa transaksi.
- 18.7 Tertakluk kepada kepatuhan Pemegang Kad kepada tanggungjawab yang dinyatakan dalam Klausula 18.2, sekiranya berlaku caj balik akibat aduan atau pertikaian oleh Pemegang Kad mengenai Transaksi Luar Negara (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausula 19.1 di bawah) yang

dilakukan dalam mata wang asing melalui Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF, amaun yang dicaj balik akan dikreditkan ke dalam Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF Pemegang Kad dalam mata wang transaksi asal.

## 19.0 Transaksi Luar Negara

- 19.1 Pemegang Kad boleh menggunakan Kad Debit untuk melakukan Transaksi Kad dan Transaksi Kad ATM di luar Malaysia ("**Transaksi Luar Negara**") di mana terdapat **Peniaga yang Dibenarkan** dan/atau Saluran Tunai yang dibenarkan dengan syarat bahawa Pemegang Kad telah memilih untuk membenarkan Transaksi Luar Negara yang akan dilaksanakan pada Kad Debit yang berkaitan Klausula 20.1 di dalam ini.
- 19.2 Semua Transaksi Luar Negara melalui transaksi ATM dan Transaksi Kad adalah tertakluk kepada undang-undang sedia ada di negara di mana transaksi dilakukan. Untuk semua Transaksi Kad, kadar tukaran, di mana berkaitan, adalah kadar tukaran serta-merta semasa pada tarikh transaksi.
- 19.3 Pemegang Kad boleh menggunakan Kad Debit untuk pengeluaran tunai melalui ATM tertentu yang dipasang di negara yang diluluskan sebagaimana ditetapkan oleh pihak Bank dan/atau mana-mana Visa/Mastercard tertakluk bahawa semua caj yang dikenakan oleh Visa International/MasterCard International dan/atau pihak Bank termasuk semua caj yang dinyatakan di dalam Klausula 19.5 dan 19.6.
- 19.4 Sekiranya Pemegang Kad menggunakan Kad Debit di ATM dan outlet Peniaga di bawah rangkaian Visa/Mastercard di luar Malaysia, transaksi akan dicaj menggunakan matawang rasmi negara tersebut dan ditukar ke Ringgit Malaysia pada kadar tukaran yang mungkin ditentukan oleh Visa /Mastercard.
- 19.5 Transaksi Kad yang dibuat dalam mata wang selain dari Ringgit Malaysia akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada tarikh ia diproses oleh Visa atau Mastercard pada kadar pertukaran asing sebagaimana yang ditentukan oleh Visa atau Mastercard. Fi tambahan berikut akan dikenakan ke atas penukaran:
- (i) 1% fi transaksi dikenakan oleh Visa atau Mastercard; dan
  - (ii) 1% penambahan kepada penukaran tukaran asing dikenakan oleh Bank
- 19.6 Untuk Transaksi Luar Negara tertentu, Pemegang Kad boleh memilih untuk menggunakan perkhidmatan DCC untuk menukarkan transaksi mata wang asing kepada Ringgit Malaysia. Jika DCC dipilih:
- (i) Kadar pertukaran asing yang digunakan oleh peniaga luar negara bagi urusan DCC mungkin lebih tinggi daripada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Visa atau Mastercard.
  - (ii) Pemegang Kad akan dikenakan fi transaksi sebanyak 1% oleh Visa atau Mastercard ke atas amaun Ringgit Malaysia yang ditukarkan, yang merupakan fi yang dikenakan oleh Visa atau Mastercard.

- 19.7 Sekiranya Pemegang Kad memilih untuk melakukan transaksi dalam mata wang asing menggunakan Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF, transaksi tersebut akan berjaya sekiranya mata wang asing yang dipilih mempunyai baki yang mencukupi di dalam Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF. Transaksi tersebut tidak akan dikenakan fi yang dinyatakan dalam Klausula 19.5. Walau bagaimanapun, sekiranya mata wang asing yang dipilih oleh Pemegang Kad tidak mencukupi, transaksi tersebut akan disempurnakan dalam Ringgit Malaysia dan akan didebit dari baki Ringgit Malaysia yang terdapat dalam Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF Pemegang Kad dan fi yang dinyatakan dalam Klausula 19.5 akan dikenakan.
- 19.8 Meskipun adanya Klausula 19.7, sekiranya institusi kewangan peniaga luar negara menyempurnakan / membenarkan Transaksi Luar Negara dalam Ringgit Malaysia, bukannya dalam mata wang asing yang dipilih oleh Pemegang Kad, transaksi tersebut akan didebit dari Akaun Pembelian Runcit Pemegang Kad dalam Ringgit Malaysia walaupun Pemegang Kad mempunyai baki mata wang asing yang mencukupi dalam Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF
- 19.9 Bagi Transaksi Kad yang disempurnakan dari Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF dalam mata wang asing:
- (i) sekiranya terdapat kembalian oleh **Peniaga yang** Dibenarkan dalam tempoh enam puluh (60) hari daripada tarikh transaksi, dan pihak Bank berjaya memadamkan kembalian tersebut kepada transaksi asal, kembalian tersebut akan dikreditkan ke dalam Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF dalam mata wang transaksi asal. Sekiranya padanan tidak berjaya, kembalian tersebut akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar tukaran semasa Bank pada masa pihak Bank mengkredit kembalian tersebut ke dalam Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF Pemegang Kad.
  - (ii) sekiranya Peniaga yang Dibenarkan mengemukakan permintaan untuk kembalian selepas tempoh enam puluh (60) hari daripada tarikh transaksi, kembalian kepada Pemegang Kad akan disempurnakan dalam Ringgit Malaysia and tukaran daripada mata wang yang berkenaan kepada Ringgit Malaysia adalah pada kadar tukaran semasa Bank pada masa pihak Bank mengkredit kembalian tersebut ke dalam Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF Pemegang Kad.
- 19.10 Pemegang Kad perlu mematuhi Notis FE yang dikeluarkan oleh BNM berkenaan dengan sebarang transaksi, termasuk Transaksi Luar Negara, yang boleh didapati di laman sesawang BNM. Pemegang Kad adalah bertanggungjawab atas sebarang pengingkaran atau ketidakpatuhan peraturan tersebut dan pindaan yang dibuat terhadapnya.

## **20.0 Keperluan Pilih Masuk bagi Transaksi Luar Negara dan Transaksi Tanpa Kad**

- 20.1 Pemegang Kad tidak dibenarkan untuk melaksanakan apa-apa Transaksi Luar Negara dan/atau Transaksi Tanpa Kad melainkan Pemegang Kad telah mendaftarkan arahannya untuk memilih masuk untuk melaksanakan Transaksi Luar Negara dan/atau Transaksi Tanpa Kad melalui Hong Leong Connect, ATM Bank, kunjungi mana-mana cawangan Bank atau hubungi Pusat Panggilan Bank di **03-7626 8899**, jika tidak, Transaksi Luar Negara dan/atau Transaksi Tanpa Kad akan ditolak.

## **21.0 Platform Pembayaran atau Rangkaian**



- 21.1 Walaupun Kad Debit Bank menyokong MyDebit yang hanya boleh digunakan di dalam Malaysia, dan Visa/Mastercard yang diterima di dalam Malaysia dan di luar negara, apabila Kad Debit digunakan di Peniaga yang Dibenarkan di Malaysia, ia adalah tertakluk kepada pilihan rangkaian oleh Peniaga yang Dibenarkan tersebut (iaitu sama ada MyDebit atau Visa/Mastercard) bagi tujuan memproses pembayaran.
- 21.2 Pemegang Kad tidak dibenarkan untuk meminta Peniaga yang Dibenarkan yang dibenarkan untuk menukar rangkaian Kad Debit yang telah dipilih.

## **22.0 Pengganti**

- 22.1 Terma dan Syarat ini akan digunakan pakai untuk waris, wakil peribadi dan pengganti Pemegang Kad dan Bank masing-masing.

## **23.0 Undang-undang dan Bidang Kuasa yang Terpakai**

- 23.1 Terma dan syarat ini akan tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia tetapi dalam menguatkuasakan haknya, pihak Bank bebas untuk memulakan dan mengambil tindakan atau prosiding atau selainnya terhadap Pemegang Kad dan mana-mana pihak di Malaysia dan/atau di tempat lain seperti yang dianggap sesuai oleh pihak Bank dan Pemegang Kad bersetuju bahawa apabila apa-apa tindakan atau prosiding dimulakan dan diambil di Malaysia, ia hendaklah mematuhi bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia dalam semua hal yang berkaitan dengan kewajipan dan liabiliti di bawah atau yang timbul daripada Akaun dan terma dan syarat ini.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kepada kami di [hlonine@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonine@hlbb.hongleong.com.my) atau hubungi 03-7626 8899

[TAMAT]